

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TENGKU ZULPURI BIN RAJA PUJI  
(RAUB)**

**TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TENGKU ZULPURI BIN RAJA PUJI [ RAUB ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan usaha-usaha yang dicadangkan oleh Kementerian dalam mempergiatkan pengeksportan durian sejuk beku khususnya jenama "*Musang King*" dan adakah cadangan meluluskan lebih banyak bilangan lesen pengeksport untuk mengelakkan sesetengah pihak memonopoli pasaran ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Sejak tahun 2003, durian telah berjaya menembusi pasaran luar negara seperti Australia, China, Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, Taiwan, Korea Selatan dan Singapura. Durian dari Malaysia dieksport dalam bentuk buah segar (*whole fruit*), buah sejuk beku (*frozen whole fruit*), ulas dan pes sejuk beku (*frozen pulp and paste*) dan ulas sejuk (*chilled pulp*). Permintaan terhadap durian Musang King dari negara luar semakin meningkat, kesan positif hasil daripada inisiatif-inisiatif berterusan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi menghasilkan dan memasarkan durian yang berkualiti tinggi ke luar negara. Secara perbandingan, jumlah nilai eksport durian pada tahun 2016 ialah sebanyak RM69.9 juta,

## SOALAN NO : 54

manakala RM144.7 juta pada tahun 2020. Ini menunjukkan berlaku lonjakan jumlah nilai eksport durian ke luar negara sebanyak 107 peratus atau RM74.8 juta dalam tempoh lima (5) tahun.

MAFI terus komited untuk memperkasakan industri tanaman buah-buahan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12). MAFI telah diluluskan peruntukan bagi Projek Pembangunan Tanaman Buah-Buahan Jangka Panjang berjumlah RM45 juta bertujuan untuk pembangunan infrastruktur ladang, pembekalan input dan jentera pertanian, keperluan bagi pensijilan serta kemudahan lepas tuai. Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) telah memperuntukkan sebanyak RM27 juta atau 60 peratus daripada jumlah keseluruhan projek tersebut untuk pembangunan tanaman durian. Bagi tahun 2021, seramai 742 orang peserta tanaman durian dengan keluasan 1,258 hektar telah diluluskan peruntukan sebanyak RM2.4 juta.

Usaha untuk mempergiatkan pengeksportan durian khususnya Musang King dilaksanakan oleh MAFI dengan memperkukuhkan rangkaian nilai pengeksportan buah durian. Di peringkat penghasilan, DOA mempergiat usaha untuk meningkatkan keupayaan dan pengetahuan petani dengan memperkenalkan kaedah penanaman baharu bagi menambah bilangan pokok dan buah yang berkualiti seperti Musang King. DOA menyasarkan kira-kira 50 peratus pokok durian Musang King ditanam di seluruh negara menjelang tahun 2022. Sehingga Ogos 2021, terdapat 576,000 pokok durian Musang King atau 36.5 peratus daripada 1.576 juta pokok durian di seluruh negara.

Bagi memastikan pengusaha memenuhi piawai antarabangsa dan protokol eksport, aktiviti pengembangan seperti Pelaksanaan Amalan Pertanian Baik (GAP), Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM), serta program-program penerangan berkaitan protokol eksport durian kepada para usahawan tani dilaksanakan secara berterusan. Ladang-ladang serta fasiliti pemprosesan durian yang bersedia untuk menceburi pasaran eksport akan diaudit dan didaftarkan dengan DOA dan pihak berkuasa di negara pengimport. Sehingga kini, DOA telah mendaftarkan sebanyak 91 ladang durian dengan jumlah keluasan 683 hektar dan 49 buah fasiliti pemprosesan bagi tujuan eksport ke luar negara.

## SOALAN NO : 54

Di peringkat antarabangsa, MAFI juga sentiasa mempergiat usaha untuk memperluaskan akses pasaran, mempromosi durian di pasaran baru dan sedia ada, serta memperkukuh kaedah pemasaran di luar negara. Antara pasaran baru yang sedang diteroka adalah Australia untuk buah durian segar, New Zealand dan Rusia. Bagi mempromosi keistimewaan durian dan meningkatkan kesedaran pengguna di peringkat antarabangsa, MAFI bersama-sama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) aktif menjalankan program-program promosi di luar negara.

MAFI turut melaksanakan *Targeted Durian Diplomacy Program* dengan mempromosi durian Musang King sebagai buah-buahan *premium* kepada individu berprofil tinggi di luar negara. Selain daripada itu, program promosi *in-store* dan di media sosial juga giat dilaksanakan. Bagi mempelbagaikan saluran pemasaran durian di luar negara, MAFI juga turut bekerjasama dengan platform e-dagang luar negara, untuk memasarkan Durian Musang King secara atas talian kepada pengguna di luar negara. Ini sekaligus telah meningkatkan penerimaan dan permintaan masyarakat antarabangsa terhadap durian khususnya Musang King dari Malaysia.

MAFI tidak mengeluarkan lesen pengeksportan durian kepada mana-mana syarikat. Oleh itu, tidak ada sebarang unsur monopoli di dalam pengeksportan durian. Permohonan untuk mengeksport durian ke luar negara adalah terbuka kepada semua pengusaha yang berminat, dengan syarat perlu mematuhi protokol eksport yang ditetapkan oleh negara pengimport, serta melaksanakan pemprosesan di fasiliti yang berdaftar dengan DOA dan diluluskan oleh negara pengimport.

Sekian, terima kasih.